

# Kejohanan boling medan pilih wakil UMS

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY

joanes@newsabahtimes.com.my NST 13.4.2013 22

KOTA KINABALU: Kejohanan Boling yang diadakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menjadi medan untuk mengukur dan mengasah bakat baru dan berpotensi dalam sukan tersebut.

Seramai 48 peserta mewakili 10 buah sekolah di pusat pengajian itu mengambil bahagian pada kejohanan yang diadakan bagi kali ke-3.

Sumber berita daripada penganjur mengatakan, penganjuran kejohanan ini bertujuan untuk mengenal pasti pemain yang berbakat, selain memilih wakil UMS ke kejohanan yang lebih besar iaitu kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dan Sukan Mahasiswa Borneo (Sukmab).

Wakil SKTM Mohamad Razwan Abdul Rahman muncul juara kategori lelaki selepas melakukan 625 jatuhan pin, diikuti Mohamad Irsyaad Saafoq dari sekolah SSS dengan 604 jatuhan pin sambil tempat ketiga menjadi milik wakil SPKS Karim Hasan dengan jumlah jatuhan pin 574.

Saingan wanita pula menyaksikan pemain SPE memenangi tempat pertama dan ketiga dengan Dionysia Ginsos yang melakukan 574 jatuhan pin ditabal juara sambil Farah Naila dari SKTM terpaksa akur selaku naib juara manakala Norsayza Mat Saad di tempat ketiga.

"Para pemenang ataupun wakil kita memerlukan latihan yang perlu dipertingkatkan dan dipantau oleh jurulatih yang berwibawa," katanya.

Acara perasmian dan penutupan kejohanan itu disempurnakan oleh Pegawai Belia Dan Sukan UMS, Charles Thomas.



**JUARA....Mohamad Razwan dan Dionysia Ginsos dinobatkan sebagai juara kategori lelaki dan wanita.**